

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Kejayaan yang _____ oleh Suzi itu adalah berkat usahanya yang bersungguh-sungguh.

- | | |
|---|----------|
| A | diraih |
| B | dilakar |
| C | dibentuk |
| D | ditempah |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



2 Muzium Negara banyak menyimpan khazanah silam yang tinggi _____ nilainya untuk rakyat Malaysia.

- | | |
|---|---------|
| A | agak |
| B | amat |
| C | paling |
| D | terlalu |

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- I Encik Richard Lee susah agak untuk membelah buah durian bukit itu.
 - II Puan Mona menghidangi suaminya sepinggan mi kari dan secawan kopi.
 - III Daun rambutan kering bertaburan memenuhi halaman rumah Mak Cik Liza.
 - IV Para pekerja memperdalamkan longkang di kawasan taman perumahan itu.

- | | |
|---|------------|
| A | I dan II |
| B | II dan III |
| C | III dan IV |
| D | I dan IV |

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Kampong Bahagia (SKKB) menganjurkan lawatan sambil belajar ini bertujuan untuk meluaskan pengetahuan serta pengalaman murid. Murid boleh melihat sendiri bagaimana berita disunting dan dicetak. Seterusnya, murid dapat mengetahui tentang *kerjaya yang boleh diceburi* dalam bidang percetakan.

Sehubungan dengan itu, kami amat berharap semoga tuan boleh memberikan keizinan dan menerima kami untuk melawat ke kilang percetakan akhbar syarikat tuan. Kami juga ingin melihat cara-cara berita diproses, disunting dan seterusnya dicetak.

4 Apakah program yang hendak dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu, SKKB?

- | | |
|---|--|
| A | Lawatan sambil belajar ke kilang kasut. |
| B | Lawatan sambil belajar ke kilang tekstil. |
| C | Lawatan sambil belajar ke kilang elektronik. |
| D | Lawatan sambil belajar ke kilang percetakan. |

5 Rangkaian kata *kerjaya yang boleh diceburi* dalam petikan membawa maksud

- | | |
|---|---|
| A | menceburi bidang penerbitan yang berkualiti. |
| B | kemampuan menyediakan peluang pekerjaan. |
| C | tawaran bergiat dalam kerjaya yang mencabar. |
| D | peluang melibatkan diri dalam profesion tersebut. |

6 Berikut adalah antara **tujuan** dan **matlamat** lawatan sambil belajar tersebut, **kecuali**

- | | |
|---|---|
| A | mengetahui peluang kerjaya dalam bidang percetakan. |
| B | melihat cara-cara berita diproses, disunting dan dicetak. |
| C | mendapatkan khidmat nasihat daripada pengurus kilang. |
| D | menambah ilmu pengetahuan baharu dalam kalangan murid. |

Soalan 7 hingga 10

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Yang berikut ialah berita terkini tentang banjir ... Orang ramai yang tinggal di kawasan rendah dan sering dinaiki air diingatkan supaya sentiasa berjaga-jaga berikutan hujan lebat pada masa ini. Setakat ini, beberapa buah kampung di daerah Baling, Kedah telah dinaiki air. Antaranya termasuklah Kampung Lubok Batu, Kampung Tebing Rebak, Kampung Paya Pulau dan Kampung Telok Perah.

Penduduk kampung tersebut dinasihati supaya sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan daripada pihak yang berkuasa. Utamakanlah keselamatan diri serta hargailah nyawa. Bepindahlah segera jika diarahkan berbuat demikian. Simpanlah semua dokumen penting di tempat yang selamat. Kanak-kanak pula dinasihati agar tidak bermain air banjir. Ibu bapa hendaklah sentiasa mengawasi anak-anak kerana "malang tidak berbau".

7 Alif Farhan meletakkan se _____ selimut di atas bumbung rumahnya untuk dipindahkan ke tempat yang selamat.

- A helai
- B keping
- C gulung
- D lembar

8 Siapakah yang diminta supaya berjaga-jaga berikutan hujan lebat yang berlaku?

- A Penduduk yang tinggal di lereng bukit.
- B Penduduk yang tinggal di pinggir bandar.
- C Penduduk yang tinggal di kawasan rendah.
- D Penduduk yang tinggal di perkampungan tersusun.

9 Penduduk yang terlibat dengan banjir perlu berpindah dengan segera apabila

- A paras air semakin tinggi.
- B langit sudah mulai cerah.
- C hujan sudah mulai berhenti.
- D aras air sungai semakin tohor.

10 Berikut adalah kampung di daerah Baling yang terlibat dengan banjir, **kecuali**

- A Kampung Paya Pulau.
- B Kampung Lubok Batu.
- C Kampung Tasik Perah.
- D Kampung Tebing Rebak.

Soalan 11 dan 12

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab **soalan-soalan** yang berikutnya.

Tahukah kamu apa yang dimaksudkan dengan sekolah lestari? Perkataan lestari seakan-akan sama bunyinya dengan perkataan bestari. Walau bagaimanapun, kedua-dua patah perkataan ini sebenarnya berbeza dari segi maksud. Jika sekolah bestari menekankan kepada pembelajaran yang berteraskan kemahiran teknologi maklumat, sekolah lestari pula menekankan persekitaran yang indah, pengurusan alam yang sistematik dan pemuliharaan alam secara berterusan.

Warga sekolah lestari diterapkan dengan amalan pendidikan alam sekitar. Murid-murid akan dilibatkan dalam membuat perancangan, keputusan dan menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan alam sekitar. Sekolah lestari diwujudkan dengan objektif yang tertentu. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- meningkatkan tahap kesedaran guru dan murid tentang kepentingan alam sekitar.
- menggalakkan guru menjalankan program mesra alam dengan lebih teratur dan sistematik.

11 Sekolah bestari menekankan kepada pembelajaran yang berteraskan kemahiran teknologi

_____.

[1 markah]

12 Apakah aktiviti utama yang akan dijalankan oleh murid-murid di sekolah lestari?

Murid-murid di sekolah lestari akan menjalankan aktiviti yang melibatkan _____.

[1 markah]

13 Tandakan (✓) bagi isi atau idea tersurat yang paling sesuai berpandukan gambar.



melintasi banjir	<input type="checkbox"/>
mengharungi banjir	<input type="checkbox"/>
menyeberangi banjir	<input type="checkbox"/>

14 Pilih dan tandakan (✓) bagi peribahasa yang paling sesuai untuk pernyataan di bawah.

Suzana berasa sedih dan kecewa kerana adik lelakinya tidak mahu mendengar teguran dan nasihat yang diberikannya itu.

Peribahasa yang paling sesuai untuk pernyataan di atas ialah	mencurah air ke daun keladi	<input type="checkbox"/>
	menatang minyak yang penuh	<input type="checkbox"/>

[1 markah]

15 Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Sempena Hari Bapa, Alissya menghadiahkan sehelai kemeja batik untuk ayahnya.

Sehelai baju kemeja batik Hari Bapa dihadaiahi oleh Alissya untuk ayahnya.

Alissya menghadiahkan ayahnya sehelai baju kemeja batik sempena Hari Bapa.

[1 markah]

Soalan 16

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi dan maklumat tersebut.

Jawapan kamu itu hendaklah ditulis dalam bentuk perenggan dengan menggunakan ayat yang lengkap.



Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan oleh pengusaha kerepek pisang tanduk itu untuk memajukan perusahaan mereka?

Tulis jawapan kamu selengkapnya pada ruangan yang disediakan.

[5 markah]

Soalan 17

Baca dan teliti gambar di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan gambar itu.

Tulis pendapat kamu tentang beberapa jenis produk yang boleh dihasilkan daripada lembu?

Jawapan kamu itu hendaklah ditulis dalam bentuk perenggan dengan menggunakan ayat yang lengkap.




Soalan 19

Tulis karangan berdasarkan bahan grafik dan maklumat yang disediakan di bawah ini.

Panjang karangan kamu itu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

TAMAN PERMAINAN TEMPAT BERIADAH BERSAMA-SAMA KELUARGA



Taman permainan merupakan tempat bermain dan riadah yang amat sesuai untuk kanak-kanak bersama-sama keluarga.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

Soalan 18

Tulis kebaikan yang dapat kamu peroleh daripada iklan dan bahan rangsangan di bawah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjang jawapan kamu hendaklah tidak melebihi daripada 50 patah perkataan.

KUNJUNGI LAMAN HARMONI - RIADAH BERSAMA-SAMA KELUARGA

Suasana yang nyaman dan hening - sangat sesuai bersantai dengan keluarga

Terletak di kawasan Gua Tempurung, kira-kira setengah jam perjalanan dari bandar raya Ipoh atau hampir satu jam perjalanan dari Teluk Intan.

Kemudahan yang disediakan:

1. Pondok riadah
2. Bangku batu
3. Trek berjoging
4. Trek berbasikal
5. Kolam (memancing)
6. Padang permainan
7. Peniaga bergerak

